

**AMALAN WASATIYYAH DALAM KALANGAN PEMIMPIN PELAJAR UNIVERSITI
AWAM MALAYSIA*****Nasharudin Mat Isa & Yahya Don**

*yana_arraudah@yahoo.com

Pusat Pengajian Pendidikan & Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia**ABSTRACT**

Wasatiyyah practice among public university student leaders is a key element in realizing the 1Malaysia vision, 'People First, Performance Now. This study was conducted to identify the level of wasatiyyah practices and differences by respondent demographics. This study used a quantitative approach included cross-sectional surveys to collect data. This study involved 89 student leaders who were selected through simple random sampling. This study used the questionnaire of wasatiyyah practices that had been built mainly by Yusuf Al-Qaradawi (2010) called the 30 Manhaj Wasatiyyah and some related scholars. This questionnaire had also been evaluated by handling a pilot test session for validity and reliability the items and dimensions of questionnaire. Descriptive analysis involving the mean score and standard deviation were used to identify the effectiveness level of wasatiyyah practices while the Mann-Whitney U and Kruskal-Wallis were used to identify the comparative differences of wasatiyyah applications based on demographical factors. The findings showed that wasatiyyah practices were implemented at a high level in all dimensions except strategic dimension. Thus, the elements in the wasatiyyah practices need to be applied among student leaders, especially in public universities, in order to achieve the strategic plan of building leaders.

Keywords: *Wasatiyyah, moderate Islam, extreme*

PENGENALAN

Dunia masa kini telah memasuki suatu era penuh kemelut dan pergolakan hingga Islam dan umatnya menjadi sasaran utama elemen Islamofobia dan kebencian (ElKaleh & Samier, 2013; Kamal Hassan, 2013; Roslan Mohd Nor, 2010). Tidak cukup dengan itu, Islam telah dicanangkan dan dilabelkan mengikut pandangan dunia Barat melalui gelaran-gelaran seperti *Political Islam*, *Moderate Islam*, *Feminist Islam*, *Progressive Islam*, dan *Secular Islam* (Rahimin Affandi, 2003; Kamal Hassan, 2013). Ini ditambah pula dengan isu-isu yang berlaku sejak kebelakangan ini, yang mana pelbagai bentuk pemikiran dan gejala yang meruntuhkan moral masyarakat kian bertambah dan mudah disebarkan kepada orang ramai secara ekstrim seolah-olah masyarakat sudah tidak mempunyai panduan hidup (Hashim Bedu, Khairulhelmi Katip, Mohd Fahmi Mohd Sahid, & Syed Mohamaed Syafeq Syed Mansor, 2008).

PENYATAAN MASALAH

Pada hari ini, arus kemodenan di seluruh dunia termasuk Malaysia telah menyebabkan persaingan dalam segala aspek seperti kepimpinan, ekonomi, politik, kebudayaan, pendidikan, keagamaan, dan pembangunan pada tahap yang semakin mencabar (Adewale, 2014). Fenomena ini telah membawa kepada konsep konflik persaingan yang ekstrim dan kurang sihat lantaran aspek kebebasan hak asasi manusia yang diselewengkan dan dipertahankan untuk memenuhi kehendak dan keperluan kumpulan tertentu sebagai contoh tuntutan Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Malaysia (COMANGO) (Nasharudin Mat Isa, 2014). Ini juga tidak terkecuali dengan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja sekolah dan pelajar universiti yang merupakan pelapis kepimpinan negara akan datang (Zainudin Sharif & Norazmah Roslan, 2011). Kecanggihan dan kemajuan teknologi telah disalahgunakan oleh individu dan kumpulan yang kurang bertanggungjawab, sehinggakan kebebasan yang diinginkan oleh banyak pihak juga telah disalah tafsir dan membawa kepada kemusnahan diri mereka (Zainuddin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan, 2011). Maka, tidak hairanlah apabila statistik menunjukkan bahawa seramai 4 407 belia yang berumur antara 16 hingga 21 tahun telah terlibat dengan beberapa jenayah seperti memiliki dadah, gengsterisme, vandalisme, rogol, dan lain-lain dan ini berlaku kerana remaja-remaja ini bertindak mengikut kehendak mereka semata-mata (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2012).

Apa yang jelas, kita dapat melihat masalah sosial remaja yang kian tersebar dan sering dipaparkan di dada akhbar dan televisyen setiap hari cukup membuktikan betapa lemahnya remaja Malaysia kita yang masih tidak mampu memperhebatkan sahsiah dan akhlak berteraskan iman di tempat tertinggi dalam diri mereka (Wan Norina Wan Hamat et al., 2013; Zainudin Sharif & Norazmah Roslan, 2011). Antara contoh masalah remaja dan mahasiswa kita yang sering diketengahkan pada hari ini adalah seperti pembuangan bayi, ditangkap berkhawat, dan berpeleseran di kelab malam semestinya akan melahirkan graduan yang tidak berintegriti pada masa akan datang (Noor Hidayah Zainudin, 2014).

Maka dengan itu, dalam menempuh era globalisasi yang kian mencabar ini, proses transformasi ke arah pembangunan sejagat amat dititikberatkan oleh kementerian malah mula diberi perhatian oleh pelbagai pihak seperti ahli politik, ekonomi, pendidikan, dan sosio budaya (Abdullah Md Zin, 2015). Justeru, konsep *wasatiyyah* telah diisytiharkan sebagai *guiding principle* atau prinsip pedoman kepada gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' (Idris Haron, 2014). Gagasan 1Malaysia adalah satu agenda yang merangkumi pakej perpaduan, pembangunan, kemakmuran, keamanan, dan keselamatan sebagai kesinambungan usaha dalam membina Negara bangsa yang bersatu-padu serta memiliki sahsiah yang kukuh (Najib Razak, 2009). Lantaran itu, menjadi keperluan bagi umat Islam menyelusuri manhaj *wasatiyyah* dalam menangani gejala-gejala liberalisme dan ekstremisme yang kian menular dewasa kini.

Amalan *Wasatiyyah*

Pendekatan *wasatiyyah* adalah suatu pendekatan mengamalkan ajaran Islam secara berimbang dan syumul dalam segenap bidang kehidupan individu dan masyarakat dengan mempertingkatkan kualiti hidup ummah dalam bidang pembangunan ilmu pengetahuan, pembangunan insan, perpaduan, ekonomi dan kewangan, undang-undang dan kenegaraan, serta pertahanan dan sebagainya (Abdullah Md Zin, 2013). *Wasatiyyah* didefinisikan sebagai amalan meletakkan sesuatu di tempat yang sebenarnya selain mengambil jalan pertengahan di antara dua ekstremisme sebagai cara terbaik, penuh keadilan, dan tidak melampaui batas (Yusuf al-Qardhawi, 2010). Muhammad Mustaqim dan Mohd Zarif (2012) mendefinisikan *wasatiyyah* sebagai kewajipan berprestasi yang seimbang dan adil serta selaras dengan kehendak agama kerana Islam prihatin pada komprehensif yang seimbang dalam semua aspek kehidupan. Selain itu, Adanan Mat Junoh, (2011) mentakrifkan *wasatiyyah* dengan makna kesederhanaan dan amalan seimbang yang diasaskan pada ajaran Islam secara menyeluruh untuk manfaat masyarakat dan negara amnya. Apa yang dapat dilihat adalah pelaksanaan amalan *wasatiyyah* dalam *fiqh* kontemporari membawa kepada kesederhanaan dan keutamaan (*fiqh al-awlawiyyat*) supaya berada di pertengahan dua pendekatan bertentangan iaitu ekstremisme (terlalu mengetatkan agama) dan liberalisme (melonggarkan agama) dalam menghadapi cabaran Islam dan umatnya pada zaman moden ini.

Secara khususnya, Yusuf al-Qardhawi (2010) menyatakan elemen *wasatiyyah* merangkumi kesyukuran Islam itu sendiri selaku satu falsafah pemikiran dan tatacara hidup dari segi akidah, syariah, ilmu pengetahuan, amal ibadah, kehidupan sosio-budaya, sikap dan akhlak, serta kebenaran dan kekuatan. Keadaan ini disamakan sebagai satu bentuk dalam menjalankan *amar maa'ruf nahi mungkar* baik dalam kehidupan seharian, politik, agama, dan realiti, ketamadunan, mahupun kenegaraan. Definisi yang diketengahkan oleh Yusuf al-Qardhawi ini merupakan sesuatu yang jelas dipersetujui kerana *wasatiyyah* bukanlah membawa maksud kompromi tetapi sebenarnya adalah keyakinan dan keseimbangan untuk meletakkan keadilan di tempat yang sebenarnya (Mazlan et. Al., 2013; Nasharudin Mat Isa, 2014). Oleh itu, *wasatiyyah* merangkumi elemen-elemen kesederhanaan, keadilan, kecemerlangan dan berprinsip (Zulkifli Hasan, 2013). Ini kerana amalan *wasatiyyah* memerlukan individu untuk berada di jalan pertengahan, lalu berkebolehan memahami, mengambil berat dan berlaku adil terhadap suasana sekitarnya ke arah satu pencapaian solusi terbaik (Fakhrudin Mukti, Fauzi Hamat, Faizuri Abd Latif, & Norafifah Hamid, 2010). Pemahaman dan pertimbangannya adalah dengan mengambil kira segala kebaikan dan keburukan sesuatu perkara, hanya untuk Allah serta manfaat yang diperoleh. Maka dengan itu, amalan *wasatiyyah* perlu dijadikan sikap utama setiap individu, agar ia teguh dalam sebarang keadaan serta layak dijadikan contoh ikutan.

Pendekatan Amalan *Wasatiyyah* Dalam Kalangan Kepimpinan Pelajar

Dalam menjanakan pendekatan amalan *wasatiyyah* ini, perlu diakui peranan penting golongan mahasiswa selaku pengemudi masa depan Islam dan negara. Lalu budaya ilmu perlu diketengahkan dan ditonjolkan dengan sebenarnya di peringkat menara gading, selain memperkasakan konsep pendidikan *worldview* Islam dalam membentuk peribadi Muslim bagi menghadapi ujian dan ancaman dunia masa kini (Nasharudin Mat Isa, 2014). Menurut Nasharudin lagi, pendekatan *wasatiyyah* yang mengutamakan ilmu dalam menjana keadilan dan kesederhanaan perlu dilakukan melalui penghayatan konsep *tafaqquh fiddin*, suatu gagasan falsafah mencari ilmu Islam yang benar, bagi menegakkan yang haq dan menolak kebathilan terutamanya dalam kalangan mahasiswa yang merupakan nadi negara akan datang. Sememangnya tanggungjawab memahami, menghayati, dan mempamerkan *wasatiyyatul* Islam adalah tanggungjawab kita selaku umat Islam, yang digalaskan dengan sebesar-besar tanggungjawab, iaitu *ummattan wasatha*, dan menjadi saksi buat umat-umat yang lain (Azzyyati Nazim, Fariza Sham, & Salasia Hanin Hamjah, 2014; Nasharudin Mat Isa, 2014). Dengan erti kata

lain, penghayatan ini memerlukan kepada terjurusnya sikap melihat sejarah yang lalu dalam mengambil iktibar bagi menjalani kehidupan masa kini selain membentuk keprihatinan terhadap masa depan, melalui penilaian akibat terhadap tindak tanduk ataupun kekurangan tindakan itu sendiri (Mohd Roslan Mohd Nor, 2010).

Penghayatan *wasatiyyah* dalam melahirkan mahasiswa yang cemerlang dan seimbang merupakan satu usaha ke arah pembentukan generasi pelapis kepimpinan yang mampu mencorak negara dengan keteguhan jati diri Islam (Mazlan et al. 2013; Mohd Shukri Hanapi, 2014). Maka secara tidak langsung, ia memerlukan kepada penekanan amalan *wasatiyyah* sebagai dasar penaklukan jiwa remaja dalam menghasilkan pilihan tindakan yang berteraskan konsep kehambaan kepada tuhan menerusi landasan elemen tauhid, aqidah, feqah, akhlak, dan sirah (Nasharudin Mat Isa, 2014). Maka tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap amalan *wasatiyyah*, dimensi-dimensi yang menjadi amalan utama, dan perbezaannya berdasarkan faktor demografi jantina, lokasi kediaman, dan bidang pengajian dalam kalangan pemimpin pelajar Universiti Awam Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk tinjauan keratan rentas (*cross-sectional survey*) berdasarkan soal selidik yang dijawab oleh responden. Populasi kajian ini ialah seramai 240 orang pemimpin kolej di Universiti Awam zon utara. Walau bagaimanapun, sampel kajian melibatkan 89 responden yang menjawab soal selidik dengan baik yang sahaja telah dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A berkaitan demografi responden dan Bahagian B berkenaan amalan *wasatiyyah* yang menggunakan Instrumen Amalan *Wasatiyyah* yang telah dibentuk berasaskan kepada 30 manhaj *Wasatiyyah* Yusuf Al-Qardhawi dan disokong oleh sarjana-sarjana Islam yang lain. Instrumen ini merangkumi 14 dimensi amalan *wasatiyyah* iaitu amanah, benar, *fiqh aulawiyat*, adil, bijaksana, ihsan, *amar maaruf nahi mungkar*, *islah* dan *tajdid*, kesungguhan, *wehdatul fikr wal a'mal*, syura, toleransi, berstrategik, dan kreatif. Instrumen yang dibentuk adalah gabungan item 14 dimensi amalan *wasatiyyah* yang dipilih iaitu sebanyak 161 item yang mana telah dibuktikan kebolehpercayaan item dan dimensinya dengan nilai alpha kepimpinan *wasatiyyah* yang tinggi iaitu $\alpha=.96$.

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan prisian SPSS (*Statistical Package for the Social Science*) versi 22.0. Dalam kajian ini, analisis deskriptif yang melibatkan skor min dan sisihan piawai telah digunakan untuk mengenal pasti tahap amalan *wasatiyyah* dengan skala pengukuran satu hingga lima (skor min 1.00 hingga 1.80 dikategorikan sebagai tahap “sangat rendah”; skor min 1.81 hingga 2.60 dikategorikan sebagai tahap “rendah”; skor min 2.61 hingga 3.40 dikategorikan sebagai tahap “sederhana”; skor min 3.41 hingga 4.20 dikategorikan sebagai tahap “sederhana tinggi” dan skor min 4.21 hingga 5.00 dikategorikan sebagai tahap “tinggi”). Bagi meneliti perbezaan amalan *wasatiyyah* berdasarkan faktor demografi pula, ujian *Mann-Whitney U* dan *Kruskal-Wallis* digunakan memandangkan analisis yang dikaji melibatkan perbezaan perbandingan pada amalan *wasatiyyah*.

DAPATAN KAJIAN

Tahap Amalan *Wasatiyyah* dalam Kalangan Kepimpinan Pelajar

Bahagian ini menerangkan tahap amalan *wasatiyyah* dalam kalangan pemimpin pelajar Universiti Awam yang terdiri daripada 14 dimensi amalan *wasatiyyah* seperti yang terdapat dalam Jadual 1.

Jadual 1

Amalan *Wasatiyyah* Dalam Kalangan Pemimpin Pelajar Universiti Awam

| | Min | SP |
|---------------------------------|------|-----|
| Amanah | 3.69 | .48 |
| Benar | 3.76 | .56 |
| <i>Fiqh Aulawiyat</i> | 3.67 | .52 |
| Adil | 3.76 | .59 |
| Bijaksana | 3.45 | .48 |
| Ihsan | 3.65 | .56 |
| <i>Amar Maaruf Nahi Mungkar</i> | 3.56 | .51 |
| <i>Islah dan Tajdid</i> | 3.64 | .56 |
| Kesungguhan | 3.78 | .56 |
| <i>Wehdatul Fikr wal A'mal</i> | 3.65 | .57 |
| Syura | 3.88 | .71 |
| Berstrategik | 2.75 | .45 |
| Toleransi | 3.73 | .63 |
| Kreatif | 3.64 | .57 |
| Kepimpinan <i>Wasatiyyah</i> | 3.59 | .42 |
| Valid N (listwise) | | |

Merujuk kepada Jadual 1, dapatan menunjukkan secara keseluruhan, pemimpin pelajar Universiti Awam telah mengamalkan *wasatiyyah* tahap tinggi dengan nilai ($M=3.59$; $SP=.42$). Dapatan menunjukkan 13 daripada 14 dimensi amalan *wasatiyyah* yang dikaji diamalkan pada tahap tinggi dan hanya satu dimensi sahaja iaitu dimensi *wasatiyyah* berstrategik diamalkan pada tahap sederhana ($M=2.75$; $SP=.45$). Dimensi tertinggi yang diamalkan ialah dimensi syura ($M=3.88$; $SP=.71$), diikuti dengan dimensi kesungguhan ($M=3.78$; $SP=.56$), benar ($M=3.76$; $SP=.56$), adil ($M=3.76$; $SP=.59$), toleransi ($M=3.73$; $SP=.63$), amanah ($M=3.69$; $SP=.48$), *fiqh aulawiyat* ($M=3.67$; $SP=.52$), ihsan ($M=3.65$; $SP=.56$), *wehdatul fikr wal a'mal* ($M=3.65$; $SP=.57$), *islah dan tajdid* ($M=3.64$; $SP=.56$), *amar maaruf nahi mungkar* ($M=3.56$; $SP=.51$), dan dimensi bijaksana ($M=3.45$; $SP=.48$).

Perbezaan Amalan *Wasatiyyah* berdasarkan Faktor Demografi

Berikut adalah perbezaan amalan *wasatiyyah* dalam kalangan pemimpin pelajar Universiti Awam Malaysia berdasarkan faktor demografi.

Jadual 2

Amalan *Wasatiyyah* Berdasarkan Faktor Jantina

| | Z | Sig | Min | |
|--------------------------|-------|-----|--------|-----------|
| | | | Lelaki | Perempuan |
| Amalan <i>Wasatiyyah</i> | -.98 | .33 | 47.70 | 42.36 |
| Amanah | -.30 | .77 | 45.82 | 44.20 |
| Benar | -.95 | .34 | 47.63 | 42.43 |
| <i>Fiqh Aulawiyat</i> | -1.02 | .31 | 47.82 | 42.24 |

| | | | | | |
|---------------------------------|-------|-----|-------|-------|--------|
| Adil | -1.56 | .12 | 49.32 | 40.78 | |
| Bijaksana | -1.15 | .25 | 48.16 | 41.91 | |
| Ihsan | -1.13 | .26 | 48.13 | 41.94 | |
| <i>Amar Maaruf Nahi Mungkar</i> | -1.51 | .13 | 49.15 | 40.94 | |
| <i>Islah dan Tajdid</i> | -.63 | .53 | 46.73 | 43.31 | |
| Kesungguhan | -.05 | .96 | 45.15 | 44.86 | |
| <i>Wehdatul Fikr wal A'mal</i> | -.80 | .42 | 47.20 | 42.84 | Jadual |
| Syura | -.61 | .55 | 46.67 | 43.37 | 2 |
| Berstrategik | -1.66 | .10 | 49.59 | 40.51 | menun |
| Toleransi | -.81 | .42 | 47.24 | 42.81 | jukkan |
| Kreatif | -1.62 | .11 | 49.47 | 40.63 | tidak |

t perbezaan yang signifikan antara skor min amalan *wasatiyyah* pemimpin lelaki dengan pemimpin perempuan dengan merujuk kepada nilai ($Z=-.98; p=.33>.05$). Kesemua 14 dimensi *wasatiyyah* yang dikaji juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor jantina iaitu dimensi amanah ($Z=-.30; p=.77>.05$), benar ($Z=-.95; p=.34>.05$), *fiqh aulawiyat* ($Z=-1.02; p=.31>.05$), adil ($Z=-1.56; p=.12>.05$), bijaksana ($Z=-1.15; p=.25>.05$), ihsan ($Z=-1.13; p=.26>.05$), *amar maaruf nahi mungkar* ($Z=-1.51; p=.13>.05$), *islah dan tajdid* ($Z=-.63; p=.53>.05$), kesungguhan ($Z=-.05; p=.96>.05$), *wehdatul fikr wal a'mal* ($Z=-.80; p=.42>.05$), syura ($Z=-.61; p=.55>.05$), berstrategik ($Z=-1.66; p=.10>.05$), toleransi ($Z=-.81; p=.42>.05$), dan kreatif ($Z=-1.62; p=.11>.05$).

Walau bagaimanapun, secara keseluruhan didapati pemimpin pelajar lelaki melaksanakan amalan *wasatiyyah* pada tahap lebih tinggi iaitu pada pada skor min ($M=47.70$) berbanding pemimpin pelajar perempuan dengan nilai skor min ($M=42.36$) dan begitu juga pada semua 14 dimensi *wasatiyyah* yang dikaji.

Jadual 3
Amalan *Wasatiyyah* Berdasarkan Faktor Lokasi Kediaman

| | Chi-Square | Sig | Min | |
|---------------------------------|------------|-----|--------|-------------|
| | | | Bandar | Luar Bandar |
| Amalan <i>Wasatiyyah</i> | .04 | .85 | 44.40 | 45.47 |
| Amanah | .22 | .64 | 43.55 | 46.13 |
| Benar | .63 | .43 | 47.45 | 43.09 |
| <i>Fiqh Aulawiyat</i> | .10 | .75 | 45.99 | 44.23 |
| Adil | .01 | .91 | 45.35 | 44.73 |
| Bijaksana | .70 | .40 | 42.42 | 47.01 |
| Ihsan | .04 | .84 | 45.62 | 44.52 |
| <i>Amar Maaruf Nahi Mungkar</i> | .00 | .95 | 44.79 | 45.16 |
| <i>Islah dan Tajdid</i> | .67 | .41 | 47.53 | 43.03 |
| Kesungguhan | .15 | .70 | 43.81 | 45.93 |
| <i>Wehdatul Fikr wal A'mal</i> | .05 | .83 | 44.33 | 45.52 |
| Syura | .38 | .54 | 43.10 | 46.48 |
| Berstrategik | .69 | .41 | 45.06 | 44.95 |
| Toleransi | .00 | .98 | 42.44 | 47.00 |
| Kreatif | .09 | .77 | 44.08 | 45.72 |

Jadual 3 menunjukkan perbezaan amalan *wasatiyyah* pemimpin pelajar Universiti Awam berdasarkan faktor lokasi kediaman. Jadual menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada amalan kepimpinan *wasatiyyah* terhadap faktor lokasi kediaman secara keseluruhan dengan nilai (Chi-Square=0.4; $p=.85>0.005$). Setiap dimensi amalan *wasatiyyah* yang dikaji juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor demografi lokasi kediaman. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan jadual menunjukkan pemimpin pelajar dari luar bandar

melaksanakan amalan *wasatiyyah* pada tahap yang lebih tinggi ($M=45.47$) berbanding pemimpin pelajar dari bandar ($M=44.40$).

Secara terperinci, lapan daripada 14 dimensi amalan *wasatiyyah* yang dikaji didapati diamalkan pada tahap lebih tinggi oleh pemimpin pelajar dari luar bandar berbanding pemimpin dari bandar iaitu pada dimensi amanah ($M=46.13;43.55$), bijaksana ($M=47.01;42.42$), *amar maaruf nahi mungkar* ($M=45.16;44.79$), kesungguhan ($M=45.93;43.81$), *wehdatul fikr wal amal* ($M=45.52;44.33$), syura ($M=46.48;43.10$), berstrategik ($M=47.00;42.44$), dan kreatif ($M=45.72;44.08$).

Jadual 4

Amalan *Wasatiyyah* Berdasarkan Demografi Bidang Pengajian

| | | Chi-Square | Sig | Min |
|--------------------------|------------------------------|------------|-----|-------|
| Amalan <i>Wasatiyyah</i> | Sains Tulen | | | 45.50 |
| | Sains Gunaan | | | 48.28 |
| | Teknologi Kejuruteraan | | | 48.50 |
| | Sains Kesihatan & Klinikal | 9.96 | .13 | 28.38 |
| | Sains Sosial | | | 65.83 |
| | Sastera & Sastera Ikhtisas | | | 44.5 |
| | Sains Tabii & warisan Negara | | | 24.89 |
| Amanah | Sains Tulen | | | 48.64 |
| | Sains Gunaan | | | 48.50 |
| | Teknologi Kejuruteraan | | | 46.86 |
| | Sains Kesihatan & Klinikal | 11.34 | .08 | 24.50 |
| | Sains Sosial | | | 64.50 |
| | Sastera & Sastera Ikhtisas | | | 19.00 |
| | Sains Tabii & Warisan Negara | | | 28.06 |
| Benar | Sains Tulen | | | 57.25 |
| | Sains Gunaan | | | 45.51 |
| | Teknologi Kejuruteraan | | | 49.89 |
| | Sains Kesihatan & Klinikal | 15.12 | .02 | 25.13 |
| | Sains Sosial | | | 48.67 |
| | Sastera & Sastera Ikhtisas | | | 16.75 |
| | Sains Tabii & Warisan Negara | | | 24.56 |
| Adil | Sains Tulen | | | 45.11 |
| | Sains Gunaan | | | 47.21 |
| | Teknologi Kejuruteraan | | | 48.04 |
| | Sains Kesihatan & Klinikal | 8.14 | .23 | 34.00 |
| | Sains Sosial | | | 69.83 |
| | Sastera & Sastera Ikhtisas | | | 43.00 |
| | Sains Tabii & Warisan Negara | | | 27.56 |
| Bijaksana | Sains Tulen | | | 47.31 |
| | Sains Gunaan | | | 49.46 |
| | Teknologi Kejuruteraan | | | 44.25 |
| | Sains Kesihatan & Klinikal | 9.09 | .17 | 39.75 |
| | Sains Sosial | | | 56.67 |
| | Sastera & Sastera Ikhtisas | | | 35.50 |
| | Sains Tabii & Warisan Negara | | | 22.78 |
| Ihsan | Sains Tulen | | | 44.75 |
| | Sains Gunaan | | | 46.94 |
| | Teknologi Kejuruteraan | | | 53.54 |
| | Sains Kesihatan & Klinikal | 13.27 | .04 | 27.75 |
| | Sains Sosial | | | 71.50 |
| | Sastera & Sastera Ikhtisas | | | 43.50 |

| | | | | |
|---------------------------------|------------------------------|------|-----|-------|
| | Sains Tabii & Warisan Negara | | | 23.00 |
| <i>Amar Maaruf Nahi Mungkar</i> | Sains Tulen | | | 49.69 |
| | Sains Gunaan | | | 45.76 |
| | Teknologi Kejuruteraan | | | 46.18 |
| | Sains Kesihatan & Klinikal | 5.85 | .44 | 29.00 |
| | Sains Sosial | | | 63.33 |
| | Sastera & Sastera Ikhtisas | | | 37.25 |
| | Sains Tabii & Warisan Negara | | | 33.22 |
| <i>Islah dan Tajdid</i> | Sains Tulen | | | 42.92 |
| | Sains Gunaan | | | 46.50 |
| | Teknologi Kejuruteraan | | | 51.36 |
| | Sains Kesihatan & Klinikal | 9.17 | .16 | 38.50 |
| | Sains Sosial | | | 62.33 |
| | Sastera & Sastera Ikhtisas | | | 65.00 |
| | Sains Tabii & Warisan Negara | | | 25.44 |
| Kesungguhan | Sains Tulen | | | 44.89 |
| | Sains Gunaan | | | 48.22 |
| | Teknologi Kejuruteraan | | | 47.43 |
| | Sains Kesihatan & Klinikal | 6.36 | .38 | 21.00 |
| | Sains Sosial | | | 57.33 |
| | Sastera & Sastera Ikhtisas | | | 29.75 |
| | Sains Tabii & Warisan Negara | | | 37.44 |
| <i>Wehdatul Fikr Wal A'mal</i> | Sains Tulen | | | 42.86 |
| | Sains Gunaan | | | 46.06 |
| | Teknologi Kejuruteraan | | | 53.25 |
| | Sains Kesihatan & Klinikal | 7.94 | .24 | 35.50 |
| | Sains Sosial | | | 64.83 |
| | Sastera & Sastera Ikhtisas | | | 51.00 |
| | Sains Tabii & Warisan Negara | | | 28.11 |
| Syura | Sains Tulen | | | 41.67 |
| | Sains Gunaan | | | 49.51 |
| | Teknologi Kejuruteraan | | | 45.82 |
| | Sains Kesihatan & Klinikal | 7.84 | .25 | 34.50 |
| | Sains Sosial | | | 63.67 |
| | Sastera & Sastera Ikhtisas | | | 51.25 |
| | Sains Tabii & Warisan Negara | | | 27.89 |
| Toleransi | Sains Tulen | | | 45.25 |
| | Sains Gunaan | | | 45.27 |
| | Teknologi Kejuruteraan | | | 48.79 |
| | Sains Kesihatan & Klinikal | 4.06 | .67 | 39.50 |
| | Sains Sosial | | | 63.17 |
| | Sastera & Sastera Ikhtisas | | | 49.50 |
| | Sains Tabii & Warisan Negara | | | 32.83 |
| Berstrategik | Sains Tulen | | | 43.67 |
| | Sains Gunaan | | | 46.65 |
| | Teknologi Kejuruteraan | | | 49.36 |
| | Sains Kesihatan & Klinikal | 2.54 | .86 | 36.00 |
| | Sains Sosial | | | 50.17 |
| | Sastera & Sastera Ikhtisas | | | 48.50 |
| | Sains Tabii & Warisan Negara | | | 35.22 |
| Kreatif | Sains Tulen | | | 45.33 |
| | Sains Gunaan | | | 46.05 |
| | Teknologi Kejuruteraan | | | 48.82 |
| | Sains Kesihatan & Klinikal | 4.40 | .62 | 34.75 |
| | Sains Sosial | | | 62.50 |
| | Sastera & Sastera Ikhtisas | | | 43.50 |

| | | | | |
|-----------------------|------------------------------|------|-----|-------|
| | Sains Tabii & Warisan Negara | | | 32.89 |
| <i>Fiqh Aulawiyat</i> | Sains Tulen | | | 48.61 |
| | Sains Gunaan | | | 43.29 |
| | Teknologi Kejuruteraan | | | 46.82 |
| | Sains Kesihatan & Klinikal | 3.24 | .78 | 41.75 |
| | Sains Sosial | | | 64.17 |
| | Sastera & Sastera Ikhtisas | | | 47.50 |
| | Sains Tabii & Warisan Negara | | | 36.83 |

Jadual 4 menunjukkan perbezaan amalan *wasatiyyah* berdasarkan faktor demografi bidang pengajian responden. Dari semua dimensi amalan *wasatiyyah* yang dikaji, hanya dimensi amalan *wasatiyyah* benar dan kesungguhan sahaja yang mempunyai perbezaan yang signifikan terhadap faktor demografi bidang pengajian iaitu dengan nilai ($Chi-Square=15.12$; $p=.02 < 0.005$) dan ($Chi-Square=13.27$; $p=.04 < 0.005$). Namun secara keseluruhannya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada amalan *wasatiyyah* berdasarkan faktor demografi bidang pengajian ($Chi-Square=9.96$; $p=.13 < 0.005$)

Walau bagaimanapun secara terperinci, didapati pemimpin pelajar dari bidang Sains Sosial melaksanakan amalan *wasatiyyah* pada tahap yang lebih tinggi ($M=65.83$) berbanding pemimpin dari bidang pengajian yang lain diikuti dengan pemimpin dari bidang pengajian Teknologi Kejuruteraan ($M=48.50$), Sains Gunaan ($M=48.28$), Sains Tulen ($M=45.50$), Sastera dan Sastera Ikhtisas ($M=44.50$), Sains Klinikal dan Kesihatan ($M=28.38$), dan Sains Tabii dan Warisan Negara ($M=24.89$). Begitu juga yang didapati dalam dimensi-dimensi amalan *wasatiyyah* yang mana menunjukkan pemimpin pelajar dari bidang pengajian Sains Sosial mengamalkan kepimpinan *wasatiyyah* tahap tinggi berbanding pemimpin pelajar dari bidang pengajian yang lain iaitu pada 12 dimensi daripada 14 dimensi yang dikaji kecuali pada dimensi *wasatiyyah* benar yang diamalkan pada tahap tinggi oleh pemimpin dari bidang Sains Tulen ($M=57.25$) dan dimensi amalan *wasatiyyah* *islah* dan *tajdid* ($M=65.00$) yang diamalkan oleh pemimpin dari bidang pengajian Sastera dan Sastera Ikhtisas.

PERBINCANGAN

Pemimpin pelajar Universiti Awam zon utara melaksanakan amalan *wasatiyyah* pada tahap tinggi. Dapatan menunjukkan daripada 14 dimensi amalan *wasatiyyah* yang dikaji, 13 dimensi diamalkan pada tahap tinggi iaitu dimensi syura, kesungguhan, adil, benar, toleransi, amanah, *fiqh aulawiyat*, *wehdatul fikr wal a'mal*, ihsan, kreatif, *islah* dan *tajdid*, serta dimensi bijaksana manakala satu dimensi lagi iaitu dimensi amalan *wasatiyyah* berstrategik diamalkan pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa amalan *wasatiyyah* pemimpin pelajar Universiti Awam di zon utara keseluruhannya diamalkan pada tahap tinggi. Ismail Ibrahim (2011) berpendapat bahawa konsep *wasatiyyah* akan menjamin keharmonian yang merangkumi soal pengurusan individu dan kumpulan manusia, rakyat dan kerajaan, dalam semua aspek kehidupan sebagai umat yang adil, terbaik, dan terpilih. Amalan *wasatiyyah* merupakan pendekatan terbaik yang bertindak sebagai pengawal dan pelengkap kepada pengurusan atau penyelesaian isu yang timbul menerusi beberapa pendekatan dimensi.

Namun begitu, dimensi amalan *wasatiyyah* berstrategik perlu diberi fokus memandangkan ia antara dimensi penting dalam menjayakan kepimpinan efektif dan mendorong kepada pelbagai peluang kebaikan. Antara definisi yang dimaksudkan dengan amalan berstrategik ialah kemampuan pemimpin menyusun strategi ke arah mencapai objektif tertinggi yang terangkum dari awal permulaan perancangan, pengurusan, penyampaian arahan, dan bimbingan organisasi kepada pencapaian visi yang telah ditetapkan. Strategi ini antaranya adalah seperti merangkumi perancangan mengumpul maklumat, menjalin peluang usahasama, merangka semula masalah dan mencari punca, menyemai

unsur positif, menyediakan pelapis kepimpinan, memanfaatkan kepakaran ahli, mengandaikan pelbagai hipotesis, memastikan pergerakan yang efektif, dan menyusun atur pelbagai strategi di pelbagai sudut. Ini disokong oleh kenyataan Magellan dan Vehar (2011) yang berpendapat bahawa, pemimpin perlu membentuk budaya dan strategi dalam kepimpinannya bagi menetapkan inovasi kepada pencapaian organisasi. Nurzakira Afnee Zakaria, Wan Idros Wan Sulaiman, dan Maizatul Haizan Mahbob (2015) menyatakan bahawa pemimpin berperanan dalam membangunkan strategi untuk memupuk tingkah laku organisasi kerana sumber manusia adalah agen utama kepada pencapaian objektif. Dalam sejarah Islam juga, penceritaan berkenaan kejayaan Sultan Muhammad al-Fatih menakluki Konstantinopel adalah melalui strategi-strategi hebat yang dirancang dalam pelbagai aspek seperti strategi perancangan, pemahaman dan ketaatan ahli, senjata peperangan, serta strategi pembinaan jiwa kerohanian (Riza Nur Zikri, 2012). Maka dimensi amalan *wasatiyyah* berstrategik perlu diperhebatkan dengan pelbagai ilmu konsep, kemahiran, pengalaman, penceritaan, dan sebagainya agar generasi kepimpinan akan datang mampu menjadi pencetus kepada kecemerlangan negara dalam segala aspek. Tanpa sifat kepimpinan berstrategik, pengurusan akan gagal (Edwards, 2011).

Melihat kepada dapatan perbezaan amalan *wasatiyyah* berdasarkan faktor demografi responden, secara keseluruhan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada amalan *wasatiyyah* berdasarkan kepada faktor demografi jantina. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan amalan *wasatiyyah* pemimpin pelajar lelaki lebih tinggi berbanding amalan *wasatiyyah* pemimpin pelajar perempuan dan dapatan ini juga sama pada semua dimensi yang dikaji. Ini berkemungkinan kerana perempuan lebih mudah mengikut emosi dalam keadaan tertentu berbanding lelaki. Kenyataan ini disokong oleh kajian Kamalularifin Subari, Muhammad Sukri Saud, Adnan Ahmad, dan Mohd Ali Jemali (2006) yang mendapati aspek emosi guru lelaki lebih tinggi dari guru wanita. Namun menurut Hamidah Sulaiman, Zawawi Ismail, dan Roslinda Yusof (2013), keupayaan mengenali, memupuk dan membina kematangan emosi memberi kesan positif dalam menyeimbangkan kesejahteraan sendiri manusia dan ini diujahkan dengan hadith Rasulullah SAW yang bersabda bahawa di antara mereka yang paling mengenali Tuhannya adalah yang paling mengenal dirinya. Selain itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada amalan kepimpinan *wasatiyyah* berdasarkan kepada faktor lokasi kediaman dan ini menyamai dapatan kajian Azimi Hamzah dan Turiman Suandi (2000) yang turut mendapati faktor lokasi kediaman remaja tidak memberi perbezaan kepada pendekatan sosial mereka kerana pada masa kini remaja banyak dipengaruhi oleh pembacaan dan pembelajaran melalui media massa.

Seterusnya bagi perbezaan berdasarkan bidang pengajian pula, secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan pada amalan *wasatiyyah* dan begitu juga pada 12 dimensi yang dikaji kecuali dimensi amalan *wasatiyyah* benar dan kesungguhan. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan didapati pemimpin pelajar dari bidang pengajian Sains Sosial melaksanakan amalan *wasatiyyah* tahap tinggi berbanding pemimpin dari bidang pengajian yang lain. Ini berkemungkinan kerana pemimpin dari bidang Sains Sosial lebih banyak didedahkan dengan ilmu kepimpinan dan pengurusan seperti ilmu psikologi, pengurusan sumber manusia, tingkah laku organisasi, pembangunan organisasi, gaya komunikasi berkesan, dan pengurusan konflik. Ini dikukuhkan dengan dapatan kajian Wan Zah Wan Ali et. al., (2008) yang turut mendapati, kemahiran pengurusan paling tinggi adalah dari pelajar bidang Sains dan Pengurusan. Selain itu, kajian Othman Napiah dan Affizah Adai (2010) mendapati personaliti pelajar dari Pendidikan Pengajian Islam mempunyai persepsi positif pada dimensi yang dikaji iaitu pada dimensi sifat amanah dan bertanggungjawab, sifat lemah-lembut, sifat fleksibel, sifat ikhlas dan jujur, serta sifat hormat menghormati berbanding pelajar dari fakulti Sains. Ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian, yang majoriti responden adalah dari kalangan mereka yang aktif dengan persatuan Islam di universiti atau berlatarbelakangkan sekolah agama. Maka dengan itu, dimensi-dimensi yang digunapakai dalam kajian ini sudah menjadi kebiasaan pada pemahaman mereka. Justeru menjadi tanggungjawab penyelidik-penyelidik di Malaysia untuk memperluaskan kajian berkonsepkan amalan *wasatiyyah* dalam kalangan pelajar universiti dan kolej swasta dari

pelbagai bangsa agar konsep *wasatiyyah* ini difahami secara menyeluruh oleh semua kaum di Malaysia, bukan hanya melibatkan pemimpin pelajar yang beragama Islam semata-mata.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, amalan *wasatiyyah* dalam kalangan pemimpin pelajar Universiti Awam zon utara adalah seimbang dari semua dimensi. Dapatan kajian berkenaan tahap amalan *wasatiyyah* dan perbezaannya berdasarkan faktor demografi responden juga telah dibincangkan sepenuhnya dan dapatan membuktikan bahawa faktor demografi jantina, lokasi kediaman, dan bidang pengajian responden tidak memberi perbezaan yang ketara sehingga boleh membezakan tahap amalan *wasatiyyah* dalam kalangan pemimpin pelajar. Walau bagaimanapun, bagi memperhalusi pemahaman dan pelaksanaan berkaitan amalan *wasatiyyah* secara menyeluruh sebagai usaha ke arah pembentukan dan pembinaan sahsiah kepimpinan yang tinggi, dapatan deskriptif berkaitan tahap amalan *wasatiyyah* boleh dimanfaatkan bagi menjayakan agenda pentadbiran di Malaysia menerusi program-program teras yang telah direncanakan oleh Institut Wasatiyyah Malaysia yang telah menempatkan golongan mahasiswa sebagai salah satu sasaran pencapaiannya. Maka dengan itu, kajian ini harus diperluaskan lagi, agar ia mampu difahami dan diteliti dari pelbagai sudut yang akan membantu generasi pelapis kepimpinan negara memahami konsep amalan *wasatiyyah* secara menyeluruh yang pastinya ia seiring dengan ilmu *ma'rifatullah* sebagai tunjang kekuatan akidah manusia sejagat.

RUJUKAN

- Abdullah Md Zin (2013). Pendekatan wasatiyyah: Definisi, konsep, dan pelaksanaan. Institut Wasatiyyah Malaysia.
- Abdullah Md Zin, (2015). Dasar Wasatiyyah disebar luas di semua kementerian. 20 Julai 2015. Dipetik dari akhbar online <http://mynewshub.cc/2015/07/20/dasar-wasatiyyah-disebar-luas-di-semua-kementerian/#gs.qQEjUcU>
- Adanan Mat Junoh, (2011). *Institut Wasatiyyah bukti komitmen pemimpin perkasa peradaban Islam*. Berita Harian. 27 Januari 2011.
- Adewale, O. S. (2014). Using functional education/education to synergise religion, economy and politics towards achieving and sustaining excellence in globalised Malay and Islamic world. *Asian Journal of Social Sciences & Humanities*. Vol. 3(2), May 2014.
- Azimi Hamzah & Turiman Suandi, (2000). Remaja dan Keupayaan mengisi Negara Maju. Dipetik dari <http://www.ippbm.gov.my/jdownloads/kertaskerja/remaja-dan-keupayaan-mengisi-negara-maju-suatu-analisis-situasi-masa-kini-.pdf>
- Azyyati Hazim, Fariza Sham, & Salasiah Hanin Hamjah, (2014). Peranan NGO Islam dalam merealisasikan pendekatan Islam Hadhari di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 6(1), 1-12.
- Edwards, J.S. (2011). A Process View of Knowledge Management: It Ain't What you do, it's the way That you do it. *The Electronic Journal of Knowledge Management Volume 9 Issue 4* (pp. 297-306), available online at www.ejkm.com (accessed September 2014)
- EIKaleh E. & Samier, E. A., (2013). The Ethics of Islamic Leadership: A Cross-Cultural Approach for Public Administration. *Administrative Culture* 14 (2), 188-211.

- Fakhrudin Abdul Mukti, Mohd Fauzi hamat, Faizuri Abd Latif & Norafifah Ab Hamid, (2010). *Wasatiyyah dan Keamanan Global: Kajian Terhadap Pemikiran Ulama Melayu*.
- Hashim Bedu, Khairulhelmi Katip, Mohd Fahmi Mohd Sahid, & Syed Mohamaed Syafeq Syed Mansor, (2008). Keruntuhan akhlak dan gejala sosial dalam keluarga: Isu dan cabaran. *Seminar Kaunseling Keluarga*, 30 Ogos 2008. Johor Bahru, Malaysia.
- Idris Haron, (2014). Pemacu Peradaban Negara dan Majlis Pelancaran Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Negeri Melaka. *Seminar Pendekatan Wasatiyyah*. 18 Februari 2014. Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh Melaka.
- Ismail Ibrahim (2011). Konsep Wasatiyyah: Perspektif Islam. *Kertas Pembentangan konvensyen dalam Konvensyen Wasatiyyah*.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, (2012). Tersedia [online] dalam http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article.
- Hamidah Sulaiman, Zawawi Ismail, dan Rorlinda Yusof, (2013). Kecerdasan emosi menurut Al-Quran dan Al-sunnah: Aplikasinya dalam membentuk akhlak remaja. *The Online journal of Islamic Education, Vol 1, Issue 2*.
- Hassan Kamal, (2015). [*The concept of al-Wasatiyyah and the place of Islamic moderation*](#). In: Applications of Wasatiyyah in the contemporary Muslim world. IIUM Press, Kuala Lumpur, pp. 1-43. ISBN 9789674183462
- Kamalularifin Subari, Muhammad Sukri Saud, Adnan Ahmad, dan Mohd Ali Jemali (2006). Tahap keterampilan emosi guru-guru pelatih opsyen Kemahiran Hidup kursus perguruan lepasan ijazah dan kursus diploma perguruan malaysia di dua buah maktab negeri Johor. Fakulti pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kazim Elias, (2014). Penghayatan Wasatiyyah dalam Melahirkan Mahasiswa yang Cemerlang dan Seimbang. *Seminar Mahasiswa*, Masjid Tunku Mizan UiTM Shah Alam.
- Magellan D. & Vehar J., (2011). Innovation: How leadership makes the difference. *White Paper*, Center for Creative Leadership.
- Mazlan Ibrahim, Jaffary Awang, Haziyah Husin, Muhd Najib Abdul Kadir, Abur Hamdi Usman, & Latifah Abdul Majid, (2013). *Wasatiyyah* discourse according ti Muslim Scholars in Malaysia. *Advances I Natural and Applied Sciences*, 7(1): 6-14.
- Mohd Roslan Mohd Nor, (2010). Konflik Israel: Palestin dari aspek sejarah moden dan langkah pembebasan dari cengkaman Zionis. *Jurnal Al-Tamaddun* Bil. 5 (2010) 73-92.
- Mohd Shukri Hanapi, (2014). The wasatiyyah (moderation) concept in islamic epistemology: A case study of its implementation in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science, Vol 4., No 9(1)*.
- Muhammad Mustaqim & Mohd Zarif, (2012). Satu millennium Islam di Nusantara: Tinjauan Sosio-Sejarah. Dlm. *Konvensyen wasatiyyah* anjuran bersama Nadi Dialog Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia dan JAKIM.
- Najib Razak, (2009). *Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*. Terbitan Pejabat Perdana Menteri. Dipetik dari www.1malaysia.com.my.

- Nasharudin Mat Isa (2014). Pendekatan wasatiyyah ke arah pembangunan lestari: Perspektif bagaimana wasatiyyah memerangi liberalisme dan eksteremisme. *Kertas Kerja* Program Pendekatan Wasatiyyah ke arah Pembangunan Lestari. 6 Mac 2014. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Noor Hodayah Zainudin, (2014). Hubungan antara kepimpinan Islam dan komitmen kerja pensyarah: kajian di Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah. *Disertasi* Ijazah Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nurzakiran Afnee Zakaria, Wan Idros Wan Sulaiman, & Maizatul Haizan Mahbob, (2015). Hubungan tingkahlaku kepemimpinan dengan budaya kerja 5S dalam sektor awam. *Journal of Social Sciences and Humanities, Vol 10*, No 1, 057-084.
- Othman Napiyah & Affizah Adai, (2010). Persepsi Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan terhadap Personaliti Pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan Pengajian Islam. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim (2003). Konsep Fiqh Semasa dan Penyelidikan Hukum Islam Alternatif: Satu Analisa Terhadap Pengalaman APIUM, *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan*, Siri 2. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, hh. 131-147.
- Riza Nur Zikri, (2012). Penaklukan Konstantinopel. *Skripsi*, Sejarah dan Kebudayaan Islam, Adab dan Ilmu Budaya. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Susanto, R. (2012). *Alasan pentingnya kejujuran dan merupakan kebijakan yang terbaik dalam hidup*. Diambil dari <http://www.indotopinfo.com/pentingnya-arti-kejujuran.htm>
- [Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fikrudin Mohamed Yusoff, & Ahmad Arifin Sapar, \(2013\). Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar Islam Politeknik Malaysia. The Online Journal of Islamic Education. Volume 1, Isu 1.](#)
- Wan Zah Wan Ali, Aida Suraya Md Yunus, Ramlah Hamzah, Rosini Abu, Rohani Ahmad Tarmizi, Sharifah Md Nor, Kamariah Abu Bakar, & Habsah Ismail, (2008). Kemahiran pengurusan masa pelajar universiti tempatan: status dan hubungan dengan pencapaian pelajar. *Jurnal Teknologi* 49, 49-64
- Yusuf al-Qaradawi (2010). *Fiqh al-Wasatiyyah wa-al-Tajdid*, Madinah Nasr: Dar al-Shuruq.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling, volume 1 Mac 2011, Pages 115-140 / ISSN: 2231-735X*
- Zulkifli Hasan, (2013). Yusuf al-Qaradawi dan Sumbangan Pemikirannya. *Global Journal Al-Thaqafah* 3 (51-66).